

Polis buka kertas siasatan terhadap Muhyiddin isu 'fatwa politik'

KUALA LUMPUR - Polis Diraja Malaysia (PDRM) membuka kertas siasatan terhadap Tan Sri Muhyiddin Yassin yang didakwa mengeluarkan kenyataan bahawa haram mengundi calon Pakatan Harapan (PH), Suhaizan Kaiat pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Pulau, Sabtu ini.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain berkata, siasatan terhadap

Pengerusi Perikatan Nasional (PN) itu dilakukan mengikut Seksyen 505 (b) Kanun Keseksaan kerana mengeluarkan kenyataan yang menimbulkan ketakutan dan kegenteran awam dan Seksyen 233 Akta Komunikasi Multimedia 1998.



MUHYIDDIN

Beliau berkata, PDRM menerima satu laporan mengenai kenyataan Muhyiddin itu yang dibuat di sebuah balai polis di sini dan siasatan dijalankan oleh Unit Siasatan Jenayah Terkelas Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman.

"Tindakan selanjutnya polis akan mengambil keterangan beliau (Muhyiddin) dalam masa terdekat," katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay dalam sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman berkata, pihaknya akan memanggil individu yang membuat kenyataan tentang isu 3R (agama, bangsa dan institusi diraja).

"Ada laporan dibuat, kita akan siasat. Fatwa ini hanya boleh dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan dan jawatankuasa Majlis Fatwa Negeri.

"Nasihat dan amaran sudah dibagi, jika masih ada individu yang membuat kenyataan 3R, kita akan panggil dan siasat, kita tidak akan bertolak ansur.

"Jangan beranggapan kita berpolitik, kita berkedudukan, boleh mengeluarkan sebarang kenyataan menjurus ke arah isu 3R," tegas beliau.

Sabtu lalu, Ahli Parlimen Pagoh itu semasa Ceramah Perdana di Dataran Utama Kempas di Johor Bahru, didakwa mengeluarkan kenyataan bahawa 'haram memberikan undi kepada Suhaizan.'

PRK bagi kerusi Parlimen Pulau dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Simpang Jeram diadakan susulan kekosongan luar jangka berikutan kematian penyandangannya, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Seri Salahuddin Ayub pada 23 Julai lepas.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan pengundian awal pada 5 September dan hari mengundi pada 9 September ini.

